

TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH DARUL AMAN
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-16
BERTEMPAT DI RAIA HOTEL & CONVENTION CENTRE, ALOR SETAR, PADA HARI RABU 27
ZULHIJAH 1443H BERSAMAAN 27 JULAI 2022.

Assalamualaikum, Warahmatullahi, Wabarakatuh. Bismillahhirahmanirrahim.

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani.

Selawat dan salam, ke-atas junjungan mulia, Nabi Muhammad, Sollallahhu Alaihi Wasallam, serta ahli keluarga Baginda, dan para sahabat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat, dan kasih sayangNya, maka dapatlah Beta menyempurnakan titah ucapan, sempena Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-16, anjuran bersama International Centre for Education in Islamic Finance University, International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance, Research Management Centre, dan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman pada hari ini.

Jika kita telusuri sejarah institusi kewangan Islam, institusi-institusi yang mengurus segala bentuk urusan kewangan yang berasaskan sedekah dan infaq, pada zaman Rasulullah Sollallahhu Alaihi Wasallam, ialah institusi zakat, baitulmal, sadaqah dan wakaf.

Namun kini, peranan institusi-institusi ini tidak lagi terhad kepada urusan zakat, sedekah, infaq dan wakaf sahaja, malah ia turut merangkumi perjuangan untuk memerangi riba, dan memastikan bahawa setiap muamalat yang dilakukan oleh umat Islam, adalah berasaskan kepada hukum Syarak, yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Beta merasakan bahawa kini sudah tiba masanya, semua lapisan masyarakat termasuklah Majlis Agama di setiap negeri, badan-badan dan organisasi korporat, serta orang ramai untuk berganding bahu mencari kaedah yang terbaik, bagi menyatukan usaha dan tenaga, dalam memperkasakan semua institusi berkaitan kewangan Islam ini.

Antara usaha yang boleh dilakukan ialah institusi kewangan Islam hendaklah sentiasa menjalinkan hubungan yang erat dan padu dengan golongan dan organisasi korporat. Beta amat yakin usaha sebegini pasti akan menyuburkan dan memperkasakan lagi institusi kewangan Islam dengan pelbagai kaedah bantuan daripada golongan pakar dan profesional, yang berada dalam organisasi korporat.

Kita sedia maklum bahawa, dalam mempromosi dan menyuburkan institusi kewangan Islam, kaedah operasi yang dilaksanakan secara tradisional serta dasar yang tertutup wajarlah disemak semula, dan digantikan dengan kaedah yang lebih komersial dan moden, bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat, di samping memberikan hasil serta pulangan yang positif kepada institusi.

Beta berasa amat sukacita apabila, pengurusan Lembaga Zakat Negeri Kedah, telah pun memulakan usaha ke arah ini dengan 'mendigitalkan', keseluruhan operasi zakat di Negeri Kedah, dengan pelbagai sistem yang ada. Sebagai contoh, pelaksanaan sistem 'Zakat On Touch' yang telah dilancarkan sebelum ini, telah terbukti dapat membuka mata masyarakat awam bagi melihat semua informasi berkaitan zakat di Negeri Kedah, dengan telus, tepat, cepat dan real time, tanpa perlu berselindung. Ia selari dengan visi Lembaga Zakat Negeri Kedah, iaitu menjadi institusi kewangan sosial Islam yang unggul dan bertaraf dunia.

Kini, setelah lebih 350 tahun undang-undang zakat di negeri Kedah ini diwujudkan, proses pemantapan dan penambahbaikan tadbir urus, yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah telah berjaya mencapai pencapaian yang membanggakan, sehingga ke peringkat antarabangsa.

Melalui platform "Kedah International Zakat Academy", Lembaga Zakat Negeri Kedah telah berjaya berkongsi ilmu dan pengalaman, dalam pengurusan zakat kepada seluruh agensi, dan institusi zakat di seluruh dunia secara percuma.

Pada tahun 2019 yang lalu, Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menerima kunjungan daripada Sokoto State Zakat, and Endowment Commission Nigeria.

Hari ini, hubungan tersebut masih subur dan diteruskan apabila delegasi mereka hadir buat kesekian kalinya, untuk terus mempelajari dan menerima latihan berkaitan sistem pengurusan zakat di negeri Kedah, untuk dilaksanakan di negara mereka di Nigeria.

Selain daripada itu, Beta juga ingin mengingatkan kepada semua bahawa, fungsi institusi kewangan Islam tidak seharusnya berlandaskan kepada keuntungan atau-pun "Profit-Oriented" semata-mata. Malah seharusnya institusi inilah yang paling ke hadapan dan berperanan, untuk sentiasa menyumbang dan membangunkan umat Islam secara keseluruhan.

Sebagai contohnya, Beta berasa bangga dengan usaha Lembaga Zakat Negeri Kedah, yang telah membangunkan inisiatif Smart Sawah Berskala Besar Asnaf, di lebih 200 hektar tanah sawah di Kedah. Selain dapat memastikan jaminan bekalan makanan asas yang mencukupi kepada golongan asnaf, ia juga telah memperkasakan ekonomi para petani miskin setempat, dengan memberi peluang pekerjaan kepada mereka di samping membantu meningkatkan hasil dan menjimatkan kos petani.

Beta amat yakin, sekiranya usaha-usaha yang dilakukan ini dapat diikuti oleh institusi-institusi yang lain, dan dibantu sepenuhnya oleh semua pihak, terutamanya organisasi-organisasi korporat dan insituti kewangan Islam yang lain, pasti usaha pembangunan sebeginiakan terus berkembang, demi masalah umat keseluruhannya.

Selaku Ulil Amri di negeri Kedah ini, Beta bertanggungjawab untuk memastikan agar para asnaf di negeri Kedah, yang layak menerima zakat bukan sekadar mendapat hak mereka yang sewajarnya, malah lebih dari itu, iaitu untuk mempunyai kekuatan ekonomi agar keluarga mereka dapat dibangunkan dengan sebaiknya oleh semua pihak.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala, memberikan keberkatan kepada kita semua, serta

- 5 -

kemakmuran dan kesejahteraan kepada seluruh rakyat di Negeri Kedah Darul Aman khususnya, dan di negara Malaysia amnya.

Akhir titah, dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim", Beta merasmikan Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-16, di negeri Kedah Darul Aman.

Sekian. Wabillahitaufik, Walhidayah, Wassalamualaikum, Warahmatull'ahi, Wabarakatuh.